



UPNM
National Defence University of Malaysia
Kewajipan • Maruah • Integriti

**GARIS PANDUAN
GERAN PENYELIDIKAN
PASCA DOKTORAL DAN
PASCASISWAZAH
(GPPP)
UNIVERSITI PERTAHANAN
NASIONAL MALAYSIA**

oleh :

**Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (BPI)
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia**

GARIS PANDUAN

GERAN PENYELIDIKAN PASCA DOKTORAL DAN PASCASISWAZAH (GPPP)

1.0 PENGENALAN

Geran ini diwujudkan bertujuan untuk menyemarakkan penyelidikan dengan membiayai sebahagian dari aktiviti penyelidikan melalui khidmat pelajar pascasiswazah (mod penyelidikan) sebagai pembantu penyelidik pascasiswazah dan / atau pasca doktoral.

2.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

2.1 KRITERIA PEMOHON

- 2.1.1 Pemohon hendaklah **Penyelia Utama** kepada pelajar pascasiswazah secara penyelidikan (mod penyelidikan) dan felo pasca doktoral.
- 2.1.2 Pemohon hendaklah berstatus tetap atau kontrak dan masih aktif sehingga tamat tempoh penyelidikan.
- 2.1.3 Pemohon yang bukan warganegara Malaysia perlu melantik Pembantu Penyelidik Siswazah atau Felo Pasca Doktoral yang **bertaraf warganegara Malaysia**. Sekiranya pemohon ingin melantik Pembantu Penyelidik Siswazah atau Felo Pasca Doktoral **bukan berstatus warganegara Malaysia, mereka mestilah bukan dari negara asal pemohon**.
- 2.1.4 Pemohon yang mempunyai geran penyelidikan mestilah **mengutamakan** pengambilan *Graduate Research Assistant* (GRA) atau Felo Pasca Doktoral melalui geran penyelidikan bagi mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) geran berkaitan.

2.2 KRITERIA DAN TEMPOH PELANTIKAN

2.2.1 Felo Pasca Doktoral

- a) Merupakan lepasan Doktor Falsafah (PhD) mod penyelidikan dari Universiti Tempatan/ Luar Negara yang diiktiraf
- b) Tidak menerima sebarang pembiayaan seperti biasiswa/dana luar atau gaji daripada agensi kerajaan atau swasta sepanjang tempoh lantikan.

2.2.2 Pembantu Penyelidik Siswazah

- a) Merupakan pelajar aktif pascasiswazah di peringkat Doktor Falsafah (PhD) atau Sarjana (mod penyelidikan) **secara sepenuh masa yang berdaftar di Pusat Pengajian Siswazah (PPS), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).**
- b) Tidak menerima sebarang pembiayaan seperti biasiswa/dana luar atau gaji daripada agensi kerajaan atau swasta sepanjang tempoh pengajian.

2.2.3 Tempoh geran yang akan dipertimbangkan berdasarkan tempoh lazim program pengajian pasca siswazah (mod penyelidikan) dan lantikan secara berkontrak (bagi Pasca Doktoral) seperti berikut:

Program	Tempoh maksimum
Felo Pasca Doktoral	Ikut keperluan
Sarjana	4 Semester
PhD	8 Semester

3.0 PERATURAN PERMOHONAN

- 3.2 Pemohon perlu menggunakan Borang Permohonan Geran Penyelidikan Pasca Doktoral dan Pascasiswazah (GPPP) terkini yang boleh didapati pada portal MyCampus. Permohonan perlu disertakan dengan permohonan GRA dan Felo Pasca Doktoral.
- 3.3 Setiap permohonan hanya dibenarkan membiayai satu (1) orang pelajar pascasiswazah/ Felo Pasca Doktoral dan perlu dilantik bagi satu (1) projek penyelidikan sahaja.
- 3.4 Pelajar pascasiswazah yang dilantik mestilah telah mendaftar dan **wajib** mengemukakan bukti pengesahan pendaftaran beserta surat tawaran pengajian oleh Pusat Pengajian Siswazah (PPS), UPNM. Kegagalan menyertakan maklumat ini akan menyebabkan permohonan akan **ditolak**.
- 3.5 Projek penyelidikan mestilah dilaksanakan di Malaysia sahaja (tertakluk kepada syarat geran penyelidikan yang diterima pemohon).

- 3.6 Permohonan hendaklah diperakukan oleh Dekan/Pengarah atau Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Pascasiswazah) Fakulti/Pusat masing-masing.
- 3.7 Setiap permohonan perlu melalui saringan di peringkat Fakulti/Pusat terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI).

4.0 JUMLAH PERUNTUKAN

- 4.1 Jumlah peruntukan dan had maksimum peruntukan adalah seperti berikut:

Program	Had maksimum	Bayaran Elaun Bantuan Saraan Bulanan (maksimum)	Tempoh pelantikan
Pasca Doktorat	RM 30,000	RM 5,000	6 - 12 bulan setiap lantikan
Sarjana	RM 20,000	RM 1,500	
PhD	RM 26,000	RM 2,000	

Jumlah peruntukan ini adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa.

- 4.2 Yuran pengajian atau lain-lain yang berkaitan tidak ditanggung oleh GPPP kecuali yuran penerbitan.
- 4.3 Pelanjutan tempoh geran adalah tertakluk kepada kelulusan PPPI berdasarkan tahap pencapaian KPI dan memenuhi syarat.

5.0 KELAYAKAN PENGGUNAAN DAN PERLANJUTAN PERUNTUKAN

- 5.1 GRA/Felo Pasca Doktorat yang dilantik wajib mengetik kehadiran di mesin perakam dan mengemukakan laporan kehadiran bulanan bagi tujuan pembayaran elaun bulanan.
- 5.2 GRA yang dilantik perlu berstatus aktif sepanjang lantikan dan perlu melunaskan yuran pengajian siswazah setiap semester TANPA GAGAL.
- 5.3 Pemohon perlu mengemukakan Laporan Kemajuan Pembantu Penyelidik/Pembantu Penyelidik Siswazah/Felo Pasca Doktorat setiap enam (6) bulan kepada PPPI melalui Fakulti/Pusat masing-masing.
- 5.4 Penerusan/perlanjutan peruntukan GPPP adalah tertakluk kepada prestasi pengajian GRA atau prestasi penyelidikan Felo Pasca Doktorat yang dilantik.

6.0 PEMANTAUAN GERAN PENYELIDIKAN

- 6.1 Ketua Projek adalah bertanggungjawab bagi keseluruhan prestasi GPPP iaitu prestasi penyelidikan/prestasi kewangan dan prestasi pengajian GRA.
- 6.2 Laporan kemajuan penyelidikan hendaklah:
- Dimajukan ke PPPI setiap enam (6) bulan sekali melalui Fakulti/Pusat masing-masing
 - Menggunakan format laporan kemajuan Pembantu Penyelidik/Pembantu Penyelidik Siswazah/Felo Pasca Doktorat
- 6.3 Laporan akhir GPPP hendaklah dimajukan ke PPPI dengan menggunakan format Laporan Akhir GPPP.
- 6.4 Hasil penyelidikan dan KPI bagi GPPP adalah hasil penerbitan. **Sasaran hasil penerbitan yang perlu dihasilkan adalah seperti berikut:**

Program	Sasaran Hasil Penerbitan*
Felo Pasca Doktorat	Dua (2) penerbitan JCR-Q1/Q2 setiap 6 bulan pelantikan
GRA (PhD)	Sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan JCR-Q4 Jurnal berindeks SCOPUS/WOS/Jurnal Zulfaqar setiap semester (6 bulan)
GRA (Sarjana)	Sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan Jurnal berindeks SCOPUS/WOS/ MyCITE /Jurnal Zulfaqar setiap semester (6 bulan)

* atau berstatus *acceptance for publication* di dalam *Journal Citation Report (JCR)*.

- 6.5 Kesetaraan satu (1) penerbitan di dalam jurnal JCR-Q1/Q2 adalah bersamaan dua (2) penerbitan bertaraf SCOPUS/WOS/MyCITE /Jurnal Zulfaqar.
- 6.6 Hanya 1 (satu) penerbitan jurnal melalui konferen diterima sebagai KPI di sepanjang tempoh pengajian.

7.0 PENALTI

Apabila GPPP yang dianugerahkan tidak berjaya mencapai matlamat hasil penyelidikan yang ditetapkan, dan tidak menunjukkan usaha yang wajar bagi mencapai sasaran, **mengikut pertimbangan Jawatankuasa yang dilantik**, tindakan berikut boleh dikenakan:

- a) **Tiada** bukti penerbitan dan **tiada** bukti 'submission' draf untuk penerbitan dalam tempoh lantikan: **Pembekuan** permohonan pelanjutan GPPP pada fasa berikutnya sehingga bukti diberikan.
- b) **Tiada** bukti penerbitan dan **ada** bukti 'submission' draf untuk penerbitan dalam tempoh lantikan: Pelanjutan GPPP secara **bersyarat** pada fasa berikutnya tidak melebihi 6 bulan.

REKOD KELULUSAN:			
LPU BIL 1/2022	31 Jan 2022	SENAT 94 BIL 6/2021	12 Okt 2021
EXCO		JPIU 03/21	14 Sep 2021

1.0 CARTA ALIR PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN PASCA DOKTORAL DAN PASCASISWAZAH (GPPP)

